

**26/06/2014 - Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan
Pihak Pekerja Yang ke-12 Anjuran Majlis Bersama Kebangsaan Bagi
Pekerja-Pekerja Pengurusan dan Profesional**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Yang Berusaha En. Azih Muda
Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam
(CUEPACS),

Yang Berusaha Dr. Mastura Ismail
Pengerusi,
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja
Pengurusan & Profesional

Pegawai –Pegawai Tertinggi CUEPACS

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita bersama dalam Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Pihak Pekerja Yang Ke Dua Belas, Penggal 2014-2016 pada pagi ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, dan terima kasih kepada Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan & Profesional di atas kesudian menjemput saya ke majlis ini, dan seterusnya merasmikan Persidangan ini.

Saudara-saudari sekalian,

2. Sedar tak sedar kita telahpun berada di penghujung bulan Jun tahun 2014. Begitu pantas masa berlalu. Ini bermakna kita cuma mempunyai 6 bulan lagi untuk menjayakan semua misi serta perancangan bagi tahun ini. Saya percaya saudara saudari sekalian telah bertungkus lumus untuk terus menggerak dan melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai sasaran atau petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah kita tetapkan. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua penjawat awam yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan pelbagai inisiatif dalam usaha meningkatkan penyampaian dan produktiviti perkhidmatan awam, dan juga dalam merealisasikan Agenda Transformasi Negara bagi Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Saya merasa bangga dengan dedikasi dan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh saudara-saudari sekalian.

AMANAT YAB PERDANA MENTERI

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sekiranya, saudara dan saudari masih ingat kepada ucapan YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Hari Pekerja baru-baru ini, beliau telah memberi penekanan kepada beberapa prinsip yang perlu dihayati dan diamalkan oleh penjawat awam. Prinsip-prinsip tersebut adalah meliputi:

Prinsip pertama: Berilmu. Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat.

Prinsip kedua: Kebolehpercayaan. Ia meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.

Prinsip ketiga: Budaya Amalan Kerja Terbaik. Merupakan cerminan kewibawaan penjawat awam yang melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta sentiasa kreatif bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Prinsip keempat: Semangat Patriotik. Kita perlu menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip kelima: Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan Outcome. Ini penting bagi meningkat mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada KPI yang menilai bukan sahaja output tetapi impak atau outcome kepada kumpulan sasaran.

4. Sebagai penjawat awam, kita seharusnya bersama-sama menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan ini bagi memperkasa perkhidmatan, dan memperkemas Sistem Penyampaian atau 'Delivery System' Perkhidmatan Awam. Saya percaya bahawa semua ahli Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan & Profesional dapat mempraktikkan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, dan menunjukkan prestasi kerja yang meningkat dan berkualiti, serta sentiasa menambahbaik mutu perkhidmatan yang disampaikan. Pada masa yang sama, kita harus sentiasa membudayakan konsep "Merakyatkan Perkhidmatan Awam" yang saya tekankan selama ini, agar kita menjadi penjawat awam yang prihatin kepada keperluan rakyat, rajin untuk turun padang dan sentiasa terbuka kepada maklum balas.

5. Semua ini penting kerana saudara dan saudari sekalian merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara, dan segala usaha yang dilaksanakan dalam tugas harian sebagai penjawat awam menyumbang kepada kemajuan negara kita. Sebagai contoh, prestasi Program Transformasi Kerajaan, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Mei 2014, merupakan satu indikator prestasi kita yang boleh dibanggakan oleh penjawat awam. Ketujuh-tujuh Bidang Keberhasilan Utama atau NKRA telah melebihi sasaran pencapaian iaitu 104 peratus. Laporan World Competitiveness Yearbook yang diterbitkan pada 22 Mei 2014 pula, telah melaporkan bahawa daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa juga telah meningkat ke kedudukan ke-12 dari kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG BAIK

Saudara-saudari sekalian,

6. Dua hari yang lepas, saya telah mengadakan perjumpaan dengan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Utama C, Gred Khas C dan Gred 54 di PICC bagi memaklumkan mengenai pelaksanaan pindaan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 berkaitan “Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam” melibatkan Imbuhan Tetap Keraian, kemudahan bayaran tol dan kelayakan tiket penerbangan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014.

7. Pindaan tersebut dibuat setelah Kerajaan mengambil kira situasi terkini ekonomi Negara yang telah menunjukkan trend yang memberangsangkan dalam tempoh suku pertama 2014 dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.2 peratus, jika dibandingkan KDNK suku keempat tahun 2013 yang hanya mencatat 5.1 peratus, dan KDNK keseluruhan pada tahun 2013 hanya 4.7 peratus. Perkembangan

yang menggalakkan ini dijangka akan membolehkan ekonomi Negara mencapai sasaran melebihi 5 peratus bagi keseluruhan tahun ini, selaras dengan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebanyak 5.2 peratus.

8. Selain itu, dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing (FDICI), Malaysia telah melakarkan kejayaan yang membanggakan apabila Negara kita kini berada di kedudukan ke-15 berbanding dengan kedudukan ke-25 pada tahun lepas. Kejayaan ini telah dicerminkan dalam peningkatan tinggi pelaburan asing sebanyak RM38.2 billion pada 2013 berbanding RM28.5 billion pada 2012.

9. Jumlah perdagangan Negara juga meningkat 8.3 peratus kepada RM349.4 billion dalam tempoh suku pertama 2014, berbanding RM322.6 billion dalam tempoh sama 2013, didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 10.8 peratus.

Saudara-saudari sekalian,

10. Percayalah, kebajikan penjawat awam merupakan satu keutamaan atau *priority* kepada saya selaku Ketua Setiausaha Negara. Sehubungan dengan itu, sekiranya produktiviti dan ekonomi negara meningkat dari semasa ke semasa yang datang hasil dari peningkatkan produktiviti dan prestasi kerja kita, sebagai penjawat awam, kita secara tidak langsung akan menerima manfaat dan insentif-insentif baru dari Kerajaan, insyaAllah.

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan

Saudara-saudari sekalian,

11. Seperti saudara-saudari sekalian sedia maklum, YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014 telah mengumumkan tarikh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau GST pada 1 April 2015, iaitu kurang setahun dari sekarang. Susulan pengumuman itu juga, Rang Undang-undang GST 2014 telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 7 April 2014.

12. Saya yakin, saudara-saudari sekalian faham bahawa GST ini merupakan suatu sistem percukaian yang menyeluruh dan saksama dan berupaya memanfaatkan seluruh rakyat Malaysia. Justeru, dalam hubungan ini saya menyeru agar saudara-saudari sekalian dapat bertindak selaku “Duta GST” untuk menerangkan dasar baharu kerajaan ini, dan konsep serta kebaikan GST kepada pegawai/ kakitangan di agensi masing-masing, dan juga keluarga kita di rumah, di samping dapat membantu mematahkan tohmahan atau polemik pihak-pihak tertentu berhubung perkara ini.

13. Dengan ini, saya berharap agar kita tidak akan berhadapan lagi dengan situasi demonstrasi-demonstrasi jalanan bagi membantah pelaksanaan GST sepertimana yang berlaku pada 1 Mei 2014 yang lalu.

14. Dalam pada itu juga, saya ingin menegaskan bahawa pegawai awam tidak sewajarnya terlibat dalam sebarang demonstrasi bagi menentang sesuatu polisi Kerajaan, termasuklah pelaksanaan GST ini. Saya memohon jasa baik dan kerjasama saudara-saudari sekalian untuk mengingatkan pegawai dan kakitangan di pejabat akan perkara ini, dan meminta mereka menggunakan saluran yang betul untuk mengutarakan pandangan serta cadangan terhadap sebarang polisi Kerajaan.

Pelaksanaan Transformasi Perkhidmatan Awam

Saudara-saudari sekalian,

15. Seperti kita semua sedia maklum, Transformasi Perkhidmatan Awam kini sedang rancak dilaksanakan bagi menyokong agenda Transformasi Negara. Bagi saya, **kita**

semua memikul amanah dan tanggungjawab yang besar untuk mendukung serta merealisasikan hasrat untuk Malaysia mencapai status sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kemampuan kita untuk menghayati dan melaksanakannya akan membantu kita untuk menjadi penjawat awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat. Kita hendaklah sentiasa meningkatkan usaha dan berusaha lebih memahami dan menjiwai denyut nadi rakyat. Oleh itu, saya dengan harapan yang tinggi menggalakkan usaha-usaha untuk melahirkan bijak pandai dari kalangan Penjawat Awam yang sentiasa menyuntik inovasi dan kreativiti sekaligus mentransformasikan Perkhidmatan Awam ke arah yang lebih dinamik dan bertunjangkan profesionalisme.

Penutup

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Dikesempatan ini, saya ingin mengajak seluruh anggota perkhidmatan awam untuk memasang iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni dalam menjalankan agenda transformasi negara. Sesungguhnya peranan anggota perkhidmatan awam adalah sangat penting dalam memacu pembangunan negara.

17. Saya juga ingin mengucapkan ‘Selamat Berpuasa’ sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak pada hujung bulan Jun ini kepada saudara-saudari yang beragama Islam. Semoga sepanjang bulan yang mulia ini kita terus diberi kekuatan dan kesabaran untuk menjalani ibadah berpuasa serta terus-menerus mencurahkan khidmat bakti kepada tanahair Malaysia yang tercinta ini.

18. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan & Profesional kerana berjaya menganjurkan Persidangan pada hari ini, dan kepada semua pihak

yang terlibat menjayakan Persidangan ini. Selamat Bersidang saya ucapkan kepada semua peserta, semoga objektif persidangan ini tercapai di hujung persidangan, dan membuahkan hasil yang baik demi kebaikan semua pihak, dan perkhidmatan awam keseluruhannya.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Pihak Pekerja Yang Ke Dua Belas, Penggal 2014-2016. Semoga Allah S.W.T merestui segala usaha murni serta pengorbanan kita semua dalam membangunkan Negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sekian.

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.